

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

**YKA 102 - Pengantar Komunikasi Massa**

Februari 1998

Masa: 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan LIMA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Pilih lima konsep berikut dan huraikan beserta contoh.

- a) kod penyampaian dan kod gambaran
- b) paradigma dan sintagma
- c) kiasan dan metonimi
- d) denotatif, konotatif dan mitos
- e) perlambangan
- f) bacaan pilihan, bacaan yang dirundingkan dan bacaan bertentangan
- g) ideologi
- h) norma dan penyimpangan
- i) gangguan dan pengulangan
- j) kawalan 'allocative' dan kawalan operasional

(100 markah)

2. Menurut Fiske (1982), terdapat dua pendekatan utama untuk mengkaji komunikasi, iaitu pendekatan proses dan pendekatan semiotik. Bincangkan kedua-dua pendekatan itu secara kritis.

(100 markah)

...2/-

3. Siapakah golongan dominan dan golongan terpinggir di dalam pelbagai teks media khususnya dalam konteks media di Malaysia. Bincang dan bandingkan corak pemaparan golongan-golongan tersebut seperti wanita dan lelaki, kanak-kanak dan orang tua, golongan politik dan perniagaan.

(100 markah)

4. Huraikan beserta contoh faktor-faktor yang mempengaruhi penghasilan produk media.

(100 markah)

5. Bincangkan sejauh mana benarnya dakwaan yang menyatakan khalayak media adalah pasif dan mudah dimanipulasi.

(100 markah)

-oooOooo-